


MEMAHAMI SISTEM PERUBATAN AUSTRALIA

- **Jurubahasa**
- **Kad Medicare**
- **Kad konsesi dan kad penjagaan kesihatan**
- **Berjumpa dengan doktor**
- **Mendapatkan ubat**
- **Berjumpa dengan pakar**




Sistem perubatan Australia memang kompleks. Jika anda atau ahli keluarga anda kurang sihat, mungkin sukar diketahui tempat untuk mendapatkan bantuan dan harga bayarannya. Maklumat ini akan membantu anda memahami sedikit lagi tentang sistem perubatan di Australia.

UNTUK PERHATIAN PENCARI SUAKA DI VICTORIA:

Anda boleh mendapat rawatan perubatan secara percuma di jabatan kecemasan hospital. Perkhidmatan perubatan yang lain bergantung pada visa yang anda pegang. Kemudahan perkhidmatan yang boleh anda gunakan mungkin berubah selepas beberapa lama. Oleh itu, tanya pekerja kes anda untuk mengetahui apa yang boleh anda gunakan.

Jurubahasa

 Jurubahasa ialah seseorang yang menolong anda bercakap dengan orang yang bertutur bahasa lain.

Di Australia, jurubahasa ialah ahli profesional yang mengikuti pengajian untuk menerima kelayakan masing-masing. Jika anda berhubung melalui jurubahasa, bolehlah anda menjangka bahawa perbualan anda itu tepat dan sentiasa dirahsiakan.

Jika anda tidak menjumpai doktor yang bertutur bahasa anda, anda boleh menelefon **Perkhidmatan Penterjemahan dan Alih Bahasa (TIS) secara PERCUMA** melalui talian **131 450** untuk mendapatkan khidmat jurubahasa. Perkhidmatan ini juga boleh membantu anda atur janji temu perubatan.

Ramai orang di Australia menggunakan perkhidmatan alih bahasa untuk berhubung dengan orang lain dalam sistem kesihatan ini.

Jurubahasa **TIDAK** akan memberikan maklumat anda kepada sesiapa pun. **Perkhidmatan ini disediakan secara percuma.**

Kad Medicare

jika anda memegang kad Medicare, anda boleh menggunakan perkhidmatan perubatan yang percuma atau yang murah, misalnya:

- rawatan percuma atau murah oleh doktor
- pengimbasan sinar X dan ujian yang percuma atau murah
- rawatan percuma di hospital awam

Jika anda pergi ke pusat perkhidmatan kesihatan, bawa kad Medicare anda bersama-sama anda setiap kali.

Medicare **TIDAK** menampung bayaran:

- ambulans
- kebanyakan perkhidmatan pergigian
- cermin mata
- kemasukan ke hospital swasta
- dan beberapa perkhidmatan kesihatan yang lain (jika anda ada soalan, tanyalah doktor GP yang memberi anda khidmat)

Sesetengah pencari suaka boleh mendapatkan perkhidmatan Medicare, bergantung pada syarat visa masing-masing. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, hubungi Rangkaian Kesihatan Pelarian Victoria (Victorian Refugee Health Network).

Kad konsesi dan kad penjagaan kesihatan


Kad konsesi dan kad penjagaan kesihatan boleh membenarkan anda mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih murah.

Jika anda layak mendapat Kad Penjagaan Kesihatan atau Kad Konsesi Pesara, anda akan dikenakan bayaran yang lebih rendah apabila anda menggunakan perkhidmatan kesihatan yang tertentu.

Sebagai contoh:

- Anda boleh membeli beberapa jenis ubat dengan harga yang lebih murah
- Anda boleh menjalani rawatan pergigian yang murah di klinik pergigian awam

Untuk mendapatkan perkhidmatan yang murah atau percuma, bawalah kad konsesi anda bersama-sama anda setiap kali.



Medicare card
Kad Medicare



Health Care card
Kad Penjagaan Kesihatan



Pensioner Concession card
Kad Konsesi Pesara

Berjumpa dengan doktor

Doktor yang menjaga kesihatan sekeluarga digelar Pengamal Am (GP) di Australia. Sesetengah doktor bekerja di pusat kesihatan dan hospital manakala yang lain pula bekerja di klinik sendiri.

Anda boleh mengatur sendiri janji temu dengan doktor jika anda jatuh sakit atau berasa kurang sihat. Anda juga boleh pergi berjumpa doktor walaupun anda berasa sihat tetapi mahu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk memastikan tiada masalah kesihatan pada diri anda. Doktor juga boleh memberitahu anda sama ada anda memerlukan vaksinasi atau imunisasi untuk melindungi diri anda daripada sesetengah penyakit.

Anda boleh memilih sama ada doktor lelaki atau doktor perempuan.

Anda boleh bertukar doktor pada bila-bila masa. Jika anda bertukar doktor, beri doktor baharu itu senarai ubat yang anda gunakan dan sesalinan rekod perubatan anda.

Jika anda berasa kurang sihat dan memerlukan doktor pada waktu malam, hujung minggu atau cuti awam, anda boleh menggunakan salah satu perkhidmatan perubatan percuma ini.

Untuk mendapatkan bantuan melalui telefon:

- Jururawat Menunggu Sedia (Nurse on call) melalui talian **1300 60 60 24** (di Victoria)
- Khidmat Doktor Selepas Waktu Urusan melalui talian **1800 022 222**

Jika anda memerlukan doktor datang ke rumah anda:

- Doktor Di Rumah (The Home Doctor) melalui talian **13 74 25** (di Victoria)

Membayar khidmat doktor

Setiap doktor mengenakan jumlah bayaran yang berbeza. Sesetengah doktor mungkin mengenakan bayaran secara 'pukal' ('**bulk bill**').

Tanya sama ada doktor menggunakan kaedah pukal ini apabila anda mengatur janji temu.

Jika doktor tidak menggunakan kaedah pukal, anda perlu membayar untuk mendapatkan rawatan tersebut. Anda mungkin boleh mendapat balik sebahagian wang yang anda bayar itu daripada Medicare. Simpan semua resit daripada pusat perkhidmatan kesihatan itu kerana anda memerlukannya untuk mendapatkan balik wang anda

Telefon Medicare melalui talian **132 011** untuk bertanya tentang cara mendapatkan balik wang anda selepas berjumpa dengan doktor.



Mengatur janji temu dengan doktor

Anda perlu mengatur janji temu bagi kebanyakan perkhidmatan kesihatan. Anda boleh menggunakan panduan ini untuk membantu anda mengatur janji temu melalui telefon ataupun apabila anda pergi ke pusat perkhidmatan kesihatan.

Mengatur janji temu:

Apabila anda mengatur janji temu dengan doktor, anda mungkin perlu memberikan:

- nama anda
- tarikh lahir anda
- doktor yang ingin anda jumpa
- tarikh dan masa anda mahu berjumpa dengan doktor

Apabila anda mengatur janji temu dengan doktor, anda boleh:

- bertanya sama ada doktor itu menawarkan pengebilan secara pukal
- memohon khidmat jurubahasa jika anda memerlukannya

Apabila anda mengatur janji temu dengan doktor di Australia, anda mesti tiba tepat pada waktunya.



Berjumpa dengan pakar

Pakar ialah doktor yang mempunyai kemahiran khas dalam bidang perubatan yang tertentu, contohnya doktor jantung (pakar kardiologi) dan doktor kulit (pakar dermatologi). Di Australia, anda memerlukan surat rujukan daripada doktor pengamal am untuk mengatur janji temu dengan pakar.

Surat rujukan daripada doktor pengamal am memberitahu pakar mengenai masalah kesihatan anda. Jika doktor mahukan anda berjumpa dengan pakar di hospital awam, beliau akan mengatur janji temu untuk anda. Tarikh janji temu anda itu bergantung pada masalah kesihatan anda.

Jika doktor mahukan anda berjumpa dengan pakar di klinik swasta, anda perlu menelefon klinik pakar itu sendiri untuk mengatur janji temu.

Mendapatkan ubat

Di Australia, tempat untuk membeli ubat-ubatan atau produk kesihatan yang lain disebut farmasi (pharmacy) atau ('chemist'). Di farmasi, anda juga boleh meminta nasihat percuma mengenai kecederaan, penyakit dan masalah kesihatan yang tidak memerlukan perhatian segera.

Jika doktor mahukan anda menggunakan ubat, beliau akan memberi anda preskripsi (prescription) atau disebut ('script'). Anda perlu memberikan preskripsi ini kepada kakitangan di farmasi untuk mendapatkan ubat anda.

Di Australia, kerajaan menampung sebahagian kos bagi sebilangan besar ubat yang memerlukan preskripsi untuk memastikan pesakit mendapat ubat yang diperlukan. Anda perlu membawa kad Medicare anda ke farmasi untuk mendapatkan diskaun ini.

Jika anda pemegang Kad Konsesi Centrelink atau Kad Pesara, bawa juga kad ini bersama anda. Dengan kad ini, ubat-ubat anda boleh dibeli dengan harga yang lebih murah lagi.

Bagi banyak jenis ubat, anda tidak memerlukan preskripsi. Anda boleh membeli ubat untuk merawat masalah kesihatan yang ringan, misalnya sakit kepala atau selesema, di farmasi tanpa memerlukan preskripsi. Ubat seperti ini disebut ubat ('over the counter').



Kami ingin mengiktiraf dokumen 'Using health services in the ACT' terbitan kerajaan ACT yang telah membantu sebagai penyumbang maklumat bagi sumber ini.